

12/05/2004

AS, Eropah jadi budak suruhan Israel

By Nurul Adlina Kamaludin

KETIKA dunia sibuk memperkatakan kekejaman tentera Amerika Syarikat dan sekutunya, Britain ke atas tahanan Iraq sejak beberapa minggu ini, di satu sudut dunia, rejim Zionis dan konconya sedang tertawa riang meraikan kemenangan mereka.

Kemenangan yang tiada kaitan dengan Iraq, tetapi menumpang sekaki dengan menjadikan konflik berkenaan penutup agenda besar mereka yang tercapai pada 28 April lalu.

Anehnya, secara kebetulan atau mungkin disengajakan, dua acara besar proYahudi di Amerika Syarikat dan Eropah pada tarikh berkenaan tidak pula dicanangkan secara meluas media utama dunia.

Sedangkan hakikat yang sudah terang dan nyata ialah kejadian anti-Semitik itu sendiri seumpama sebutir pasir halus berbanding kekejaman dan kezaliman dirasai umat Islam, khususnya Palestin yang tinggi menggung tetapi tidak diendahkan, jauh lagi simpati oleh sekutu Israel seperti Amerika.

Acara pertama di Washington menyaksikan anggota Dewan Senat Amerika membentangkan satu rang undang-undang dikenali HR 4230 yang memberi tugas baru kepada Jabatan Negara untuk bertanggungjawab 'Memantau dan Memerangi Kejadian anti-Semitik Di Seluruh Dunia.'

Atau lebih tepat bersatu tenaga sebagai polis Yahudi biarpun tanpa perlu mengenakan sebarang pakaian seragam rasmi atau pun lencana khas, tetapi kuasanya melangkau ke ceruk mana sekali pun.

Pada masa sama, acara kedua yang tidak kurang hebatnya berlangsung di Berlin, Jerman. Ia menghimpunkan perwakilan 55 negara Pertubuhan Keselamatan dan Kerjasama Eropah (OSCE) yang sependapat untuk merangka strategi pembasmian anti-Semitik serta berikrar meningkatkan penguatkuasaan undang-undang dan pemantauan jenayah benci.

Dua acara oleh dua kuasa berbeza, lokasi berasingan dengan perwakilan yang berbeza bahasa, bangsa dan latar belakang tetapi agendanya tetap satu - mengiktiraf Israel dan bangsa Yahudi dan menyokong mereka di mana saja, pada bila-bila masa.

Malah, pengiktirafan kepada Israel itu turut dialu-alukan Pengarah Liga Anti-Fitnah Yahudi Amerika, Abraham H Foxman sebagai satu pencapaian penuh makna bagi masyarakat Yahudi.

"Ini kerana sebahagian besar dunia sudah sanggup berdiri di belakang kita, berbanding setahun lalu yang menyaksikan pemimpin Eropah mengecam kita. Kesediaan pemimpin Eropah mengakui hakikat ancaman itu sememangnya wajar diraikan," katanya dengan angkuh dalam The Jewish Journal of Orange County, California, Ahad lalu.

Kenyataannya itu bukan mewakili dirinya sendiri, tetapi seluruh masyarakat Yahudi dunia dan rejim Zionis yang mungkin selepas ini bakal mengganas dengan lebih hebat dan kejam lagi.

Apa tidaknya, rang undang-undang HR 4230 Amerika itu misalnya yang dijangka diluluskan dengan sebulat suara oleh Senat Amerika yang proYahudi selama ini lebih daripada sekadar dokumen rasmi untuk pemerhatian anggota Kongres negara Uncle Sam itu, sebaliknya kesannya membabitkan seluruh kerajaan dunia.

Dengan hanya mengetengahkan beberapa contoh kejadian yang disifatkan ancaman serius anti-Semitik yang dijadikan asas kewujudan dokumen berkenaan, dokumen itu menggambarkan betapa masyarakat Yahudi menjadi mangsa penindasan di mana-mana.

Rang undang-undang itu mengemukakan contoh bukti ancaman antiSemitik yang disifatkan amat serius termasuk ucapan bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir di Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Putrajaya, tahun lalu, letupan bom kereta di luar rumah ibadat Istanbul, Turki dan slogan anti-Semitik (tidak dijelaskan) di laman Rumah Parlimen di Tasmania, Australia.

Selain itu, kejadian vandalisma ke atas kawasan perkuburan Yahudi di Russia, serangan ke atas sebuah sekolah Yahudi di Toronto, Kanada dan kebakaran yang belum dapat dipastikan sumbernya di sebuah rumah ibadat Yahudi di Toulon, Perancis turut diketengahkan bagi mengumpukan undi anggota Kongres.

Dengan bersandarkan contoh tidak seteruik mana berbanding pengeboman tidak berperikemanusiaan yang membunuh beribu-ribu warga awam Palestin, dokumen itu apabila diluluskan kelak bakal menyaksikan penubuhan sebuah pejabat khas anti-Semitik di Jabatan Negara Amerika.

Antara lain, tugasnya adalah untuk mengawasi sebarang kegiatan anti-Semitik selain menyediakan laporan tahunan mengenainya yang perlu dibentangkan di Kongres Amerika.

Malah, lebih ironinya, dunia juga bakal menyaksikan kehadiran wakil Jabatan Negara ini di mana-mana negara yang diselubungi kejadian antiSemitik dengan alasan memerangi masalah terbabit.

Selepas ini, bukan saja agen Agensi Perisikan Pusat Amerika (CIA) atau Biro Siasatan Persekutuan Amerika (FBI) yang menyibuk, sebaliknya pegawai Jabatan Negara akan turut bertandang ke negara yang dianggap memusuhi Israel.

Sikap pro-Israel keterlaluan Amerika itu turut diakui sendiri salah seorang pegawai kanan Pejabat Luar, jabatan berkenaan, Terrell E Arnold yang menyifatkan dokumen itu surat lantik rasmi Amerika bukan saja sebagai mata dan telinga, tetapi juga polis dunia bagi pihak Israel.

Washington melantik dirinya sendiri untuk bertindak ke atas sebarang tindakan yang dirasakan atau dianggap Yahudi atau rejim Zionis sebagai anti-Yahudi.

Dokumen itu juga secara terang-terang memberi lampu hijau kepada Amerika untuk bertindak, termasuk memberi tekanan kepada kerajaan atau mana-mana pertubuhan yang melakukan perbuatan anti-Semitik berkenaan.

Oleh kerana dokumen itu tidak menyatakan secara terperinci kejadian yang disifatkan sebagai antiSemitik, ini bermakna terpulanglah kepada persepsi wakil atau diplomat Amerika membuat andaian terhadap perbuatan antiYahudi itu.

Dalam erti kata lain, ia terlalu subjektif dan menyerahkan kuasa menilai dan menghukum secara bulat-bulat dalam tangan pegawai Amerika, tanpa mengambil kira pandangan lain.

Namun, bahaya paling besar masalah utama yang berakar daripada rang undang-undang itu adalah tindakan Amerika membela sebarang kecaman ke atas perbuatan pihak Zionis, barisan kerajaan Israel sekarang, pendatang Yahudi dan pengikut mereka ke atas penduduk Palestin.

Mungkin juga wujud konspirasi sulit Washington-Tel Aviv sehingga membawa kemunculan dokumen itu ketika Israel berdepan kecaman hebat kerana pembinaan tembok sekatan di sekitar Tebing Barat, dasar kejamnya membunuh pemimpin Hamas termasuk Sheikh Ahmad Yassin dan terbaru, Abdul Aziz Rantissi serta keganasan lain.

Mungkinkah dokumen itu bakal menjadi senjata paling tajam gandingan Amerika-Israel memaksa dunia menutup mulut dan membutakan mata ke atas kekejaman Israel?

Apakah adil, bantahan terhadap kekejaman meragut nyawa manusia lain atas alasan memerangi pengganas, sebagai satu tindakan melawan antiSemitik?

Sehubungan itu, jika ia diterima pakai, ini bermakna bukan seorang dua

pemimpin Palestin, malah pemimpin lain dunia akan terpalit sama sedangkan kenyataannya, segala permasalahan utama dunia yang belum selesai pada hari ini, disebabkan sikap bongkak Israel itu.

Apa yang lebih membimbangkan, bagaimanakah keadaan dunia selepas ini apabila Amerika dan Eropah bertindak menjadi polis dan pengawal peribadi Israel? Apa pula peranan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang mungkin sekadar meneropong, tetapi tidak melakukan apa seperti sekarang? Hanya masa yang akan membuktikannya.

(END)